



DARI kiri Dr Latif, Faizdickie dan Ucop.

JELAJAH KEMPEN MEDIA SOSIAL

Program santai dekati golongan muda babitkan penuntut universiti



Redzuan Muharam
gen.y@hmetro.com.my

Laman gaya hidup dan platform strim video dalam talian, hurr.tv memulakan siri jelajah pertama sempena pelancaran kempen media sosial FYI (Facebook, Youtube, Instagram) di Dewan Perdana, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi pada 22 Mac lalu.

Program berbentuk forum santai selama tiga jam itu menampilkan dua personaliti media sosial iaitu Ucop dan Faizdickie

serta Timbalan Pengarah UKM Global Dr Abdul Latif Ahmad sebagai panel jemputan bagi membincangkan topik Bijakah Anda Dengan Media Sosial.

Ketua Kandungan dan Perancangan Strategik hurr.tv Jayelee Sook Kwan berkata, penganjuran program itu sebahagian inisiatif untuk bertemu dan mendekati golongan muda yang juga penuntut universiti awam dan swasta.

Menurut Jayelee, ia juga salah satu program yang dirangka untuk menjalin hubungan baik dengan universiti dan kolej yang mengambil bahagian.

"Kempen ini akan diadakan di lima lokasi bermula di UKM, diikuti Universiti Teknologi Mara (UTM) pada 12 April, Universiti Multimedia (MMU) (17 April), Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) (21 April) dan Universiti

Selangor (UNISEL) pada 21 April.

"Meskipun ia sebuah program baru, kami gembira kerana ia mendapat Kerjasama baik daripada pihak universiti dan untuk siri jelajah pertama, aktiviti dimulakan dengan sesi perkongsian mengenai media sosial oleh panel jemputan.

"Sebagai selingan, hadirin dihiburkan dengan persembahan Bakat Ohsem Malaysia iaitu kumpulan tarian gaya bebas urban Nasty Rock Crew, Aqeesh Aleeya dan Yazmin Aziz," katanya.

Menurut Jayelee, bagi memeriahkan lagi program, pihaknya mengadakan aktiviti Jom Cabar, satu cabaran permainan dalam talian hurr.tv yang membolehkan penuntut turut serta.

"Penuntut bukan saja dapat menyertai cabaran itu bersama panel jemputan tetapi juga berpeluang

memenangi hadiah menarik termasuk sebuah telefon pintar.

"Ini menjadikan program itu lebih menarik bersesuaian dengan konsepnya yang santai namun sarat dengan informasi," katanya.

Sementara itu, penuntut program Komunikasi Media, Umair Othman, 23, menyambut baik kempen FYI yang dianggap platform yang membolehkan penuntut merebut peluang yang ada di media sosial.

"Saya tertarik dengan program ini kerana menampilkan panel jemputan yang bukan saja berkongsi mengenai latar belakang masing-masing tetapi juga memberi gambaran sebenar di sebalik aplikasi media sosial.

"Daripada situ, kita dapat lihat skop lebih luas dan mengetahui kaedah yang betul untuk memanfaatkan media sosial," katanya.